



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)
MINISTRY OF INTERNATIONAL TRADE AND INDUSTRY (MITI)
Menara MITI,
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,
50480 KUALA LUMPUR
MALAYSIA



Tel : 603-8000 8000
Faks (Fax) : 603-6206 4693
Laman Web (Web) : www.miti.gov.my

MITI/BKIE/785 Jld 5()

14 Januari 2016

Kepada

Senarai seperti di lampiran

Tuan,

PENGELUARAN PERMIT IMPORT SECARA PAPERLESS DIBAWAH SISTEM ePERMIT

Dengan segala hormatnya pelaksanaan pengeluaran Permit Import secara *paperless* di bawah Sistem ePermit adalah dirujuk.

2 Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian ini sedang dalam proses menambahbaik prosedur pengeluaran Permit Import dan Eksport. Antara langkah yang akan dilaksanakan secara berperingkat adalah pengeluaran Permit Import dan Eksport secara *paperless* sepenuhnya. Bagi tujuan tersebut, Kementerian ini akan melaksanakan **pengeluaran permit import secara *paperless* menggunakan Modul Import bagi Sistem ePermit.**

3 Modul Import bagi Sistem ePermit ini akan dilancarkan dan digunakan sepenuhnya oleh semua syarikat pengimport besi & keluli dan barangan lain (kecuali helmet dan tayar terpakai) yang memohon kelulusan permit import (AP) dari MITI mulai **1 Februari 2016**. Sistem TFIS tidak lagi digunakan. **Mulai tarikh tersebut, permohonan kelulusan permit import menggunakan sistem sedia ada tidak akan diproses.**

4 Sehubungan itu, syarikat dinasihatkan untuk membuat persediaan awal ke atas perubahan ini bagi mengelakkan sebarang kesulitan berkaitan permohonan permit import pada masa akan datang. Untuk sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, sila hubungi Seksyen Kawalan Eksport dan Import, MITI di talian **03 – 6208 4970**.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

'1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN'

Saya yang menurut perintah,

(MOHD IQBAL MOHD NOOR)

Pengarah Seksyen Kawalan Eksport dan Import

b.p Ketua Setiausaha

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Memacu Transformasi, Menjana Pertumbuhan
Driving Transformation, Powering Growth

